

29 SEP 1999

Razaleigh-Asing

PENENTANG KERAJAAN GUNA BANTUAN ASING TIDAK KUAT

KOTA BAHARU, 29 Sept (Bernama) -- Mana-mana pihak yang cuba menentang kerajaan melalui bantuan asing jelas tidak mempunyai pengaruh dan kekuatan dalam negara khususnya sokongan daripada rakyat, kata Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah hari ini.

Beliau berkata penentang kerajaan yang berpakat dengan pihak asing jelas terbukti tidak mampu melawan secara sihat mengikut amalan demokrasi.

"Kalau mereka mahu kepada pertolongan dari luar, ini jelas sekali menunjukkan bahawa pihak yang menentang kerajaan sekarang ini tidak mempunyai pengaruh dan tidak mempunyai kekuatan untuk melawan kerajaan secara sihat mengikut amalan demokrasi," katanya kepada pemberita di kediamannya di sini, sejurus setelah tiba dari Kuala Lumpur.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan di New York semalam bahawa campur tangan asing menjelang pilihan raya umum Malaysia sudah sampai ke tahap yang agak luar biasa, dengan pihak luar berusaha menonjolkan pihak pembangkang sambil memberi sokongan kepada mereka.

Tengku Razaleigh berkata pihak asing sememangnya mencari peluang untuk campur tangan dalam urusan dalam negara khususnya jika berlaku pergolakan politik.

Beliau berkata campur tangan asing adalah amat bahaya memandangkan ada negara yang mengalami pergaduhan sehingga menyebabkan rakyatnya sengsara dan kemusnahan harta benda.

"Kita di Malaysia amat bimbang kalau ini dilakukan oleh pihak yang berkepentingan atau mahu campur tangan dalam negara kita," katanya.

Beliau berkata rakyat negara ini mampu menyelesaikan setiap masalah yang timbul tanpa perlu campur tangan pihak asing berdasarkan amalan demokrasi yang diamalkan selama ini.

Sementara itu, Tengku Razaleigh yang juga anggota Parlimen Gua Musang berkata, Umno Kelantan mungkin mencontohi strategi yang membantu Barisan Nasional (BN) menang pada pilihan raya negeri Sabah yang lepas yang menyaksikan Umno memenangi 100 peratus kerusi yang ditandinginya.

"Itu kejayaan luar biasa kerana ramai orang di Semenanjung meramalkan kita akan kalah atau menang tipis. Kita akan pelajari apa yang dilakukan oleh kepimpinan Sabah," katanya.

Katanya strategi itu bagaimanapun perlu diubah suai berikutan perbezaan keadaan antara Sabah dan Kelantan.

Tengku Razaleigh yang juga bekas Menteri Kewangan melahirkan rasa bangga dengan peningkatan prestasi keuntungan Bank Islam. Beliau merupakan antara mereka yang mengusahakan penubuhannya.

BIMB Holdings Bhd (BIMB), syarikat induk Bank Islam, mencatat kenaikan keuntungan sebelum zakat dan cukai kumpulan berjumlah 333 peratus iaitu RM102.41 juta bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun lepas.

-- BERNAMA

BD NMO